



**NOTIS
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**MAKLUMAN
PELAKSANAAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-34 TAHUN 2021
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Universiti Utara Malaysia (UUM) amat berbesar hati untuk meraikan usaha dan kejayaan saudara/i menamatkan pengajian dalam Majlis Konvokesyen. Universiti memahami bahawa majlis ini merupakan saat yang sangat dinanti-nantikan oleh setiap graduan. Walau bagaimanapun, Majlis Konvokesyen Ke-34 tahun 2021 yang dirancang masih tidak dapat dilaksanakan berikutan situasi semasa pandemik covid-19 yang belum reda.

Universiti, bagaimanapun telah membuat keputusan untuk mengadakan Majlis Konvokesyen Ke-34 Tahun 2021 pada bulan Mac 2022. Namun begitu, kaedah pelaksanaan majlis tersebut masih belum dapat ditentukan dan akan hanya diputuskan selewatnya pada bulan Disember 2021. Keputusan mengenai kaedah pelaksanaan majlis sama ada diadakan secara bersemuka atau secara maya akan bergantung kepada situasi semasa pandemik covid-19 ketika itu selain akur kepada arahan dan pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan pihak berwajib.

Universiti akan mengutamakan faktor kesihatan dan keselamatan semua pihak yang terlibat dalam apa juga keadaan sebagai asas pertimbangan dalam membuat keputusan mengenai pelaksanaan majlis tersebut.

Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA) akan mengeluarkan hebahan dari semasa ke semasa melalui media rasmi jabatan (emel, Facebook dan laman web HEA) untuk makluman dan tindakan susulan semua graduan.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia
8 Ogos 2021